

Headline	Projek perumahan Taman Universiti Jaya Fasa 2A siap awal tiga bulan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	26 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	12	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	255 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,694
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,083



## Projek perumahan Taman Universiti Jaya Fasa 2A siap awal tiga bulan

**KUALA LUMPUR 25 Mac** - Kejayaan SPNB Idaman Sdn. Bhd. (SISB) dalam menyiapkan projek perumahan Taman Universiti Jaya Fasa 2A di Semeling, Kedah tiga bulan lebih awal dari tarikh ditetapkan merupakan satu kejayaan besar buat syarikat tersebut yang merupakan anak syarikat milik penuh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Ketua Pegawai Eksekutif SISB, Azrul Hisyam Munap berkata, tarikh asal yang ditetapkan untuk menyiapkan projek pembinaan rumah mampu milik itu adalah pada Jun 2017.

Namun katanya, kejayaan tersebut merupakan hasil daripada hubungan baik dengan kontraktor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pasukan konsultant yang komited terhadap kerja dengan sentiasa memantau kemajuan projek di tapak di samping menguasai kualiti kerja-kerja pembinaan.

"Kualiti pembinaan projek tersebut juga mendapat pengiktirafan daripada Penilaian Kualiti Hasil Kerja Binaan (QLASSIC) yang diselia dan dipantau oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mendapat skor yang baik iaitu 60 peratus," katanya.

Ketika ditanya mengenai rekabentuk pembangunan berkonsepkan *zero renovation cost* yang menepati kehendak pembeli, Azrul Hisyam memberitahu konsep tersebut bererti tidak perlu membuat pengubahsuaian tambahan terhadap ruang kosong di belakang rumah dan penyediaan plaster siling bagi kesesuaian pembeli.

"Oleh itu, pemilik tidak perlu mengeluarkan kos tambahan untuk pengubahsuaian di ruangan tersebut seterusnya memudahkan pemilik lantaran pengubahsuaian telah siap dibina," jelasnya.

Tambahnya, sambutan terhadap projek perumahan mampu milik itu amat memberangsangkan dengan sebanyak 96 peratus daripada 104 unit habis dijual.

"Baki 4 peratus telah ditempah dan sedang me-

Selain itu kualiti pembinaan dipertingkatkan dengan persijilan QCLASSIC dan siap pada masa ditetapkan menjadi keutamaan kita kepada pembeli."

**AZRUL HISYAM MUNAP**  
Ketua Pegawai Eksekutif SISB



**Maklumat jualan (sehingga 21 Februari 2017)**

**Harga jualan:**  
RM136,500

**Jual dan tempah:**  
100 peratus

nunggu kelulusan bank. Ini merupakan rentetan daripada sambutan yang sangat menggalakkan dari jualan Fasa 2A, maka terdapat penambahan unit pada Fasa 2B daripada 104 unit kepada 146 unit.

"Selain itu kualiti pembinaan dipertingkatkan dengan persijilan QCLASSIC dan siap pada masa ditetapkan menjadi keutamaan kita kepada pembeli," ujarnya.